

13/06/2003

Kerajaan amal belanja berhemah

Hussain Said

SEREMBAN: Kerajaan negeri ini akan terus mengamalkan perbelanjaan berhemah bagi membantu Kerajaan pusat dalam memastikan keadaan ekonomi negara terus bertahan walaupun berdepan dengan suasana ekonomi dunia yang tidak menentu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kerajaan negeri tidak menghadapi masalah sekalipun peruntukan yang diperoleh pada Bajet 2004 kurang berbanding yang dipohon.

"Kita tidak boleh salahkan kerajaan pusat, sebaliknya bekerjasama memastikan ekonomi negara terus bertahan.

"Kalau ada projek yang boleh kita tangguhkan, kita akan tangguhkan. Kita tidak mahu mewujudkan keadaan tidak baik, yang boleh memberi kesan jangka panjang ekonomi negara," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta kerajaan negeri supaya tidak meminta peruntukan besar hingga berbilion ringgit daripada Bajet 2004 kerana ia mungkin tidak dapat dipenuhi kerajaan pusat.

Mohd Isa berkata kerajaan negeri akan menjelaskan perkara itu kepada rakyat sekiranya terdapat projek yang terpaksa ditangguhkan supaya mereka dapat memahami.

"Saya fikir rakyat Malaysia termasuk di negeri ini (Negeri Sembilan) adalah masyarakat yang rasional. Mereka tahu mengenai masalah yang dihadapi kerajaan termasuk keadaan ekonomi yang tidak menentu," katanya.

Mengenai saranan Perdana Menteri supaya kerajaan negeri tidak meluluskan projek pembinaan perumahan sewenang-wenangnya, Mohd Isa berkata kerajaan negeri sentiasa membuat kajian sebelum meluluskan sebarang permohonan.